

**Belanjawan 2020: Skim Pembiayaan Sewa Beli rumah akan diperkenalkan  
AstroAwani  
11 Oktober 2019**

KUALA LUMPUR: Bagi mereka yang tidak mampu membayar deposit 10 peratus dan sukar mendapatkan akses pembiayaan pembelian rumah, kerajaan akan mengadakan usahasama dengan institusi kewangan untuk memperkenalkan Skim Pembiayaan Sewa Untuk Memiliki (Rent To Own - RTO).

“Melalui skim ini, pembiayaan sebanyak RM10 bilion akan disediakan oleh institusi kewangan dengan sokongan kerajaan melalui penyediaan jaminan sebanyak 30 peratus atau RM3 bilion.

“Skim RTO ini adalah untuk pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500 ribu,” kata Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2020 pada Jumaat.

Guan Eng berkata, di bawah skim ini, pemohon akan menyewa rumah bagi tempoh sehingga lima tahun dan selepas setahun diberi pilihan untuk membeli rumah kediaman berkenaan pada harga yang ditetapkan semasa perjanjian penyewaan ditandatangani.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga akan memberi pengecualian duti setem sepenuhnya ke atas instrumen pindah milik di antara pemaju dan institusi kewangan serta di antara institusi kewangan dan bakal pembeli.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belanjawan-2020-skim-pembiayaan-sewa-beli-rumah-akan-diperkenalkan-219831>